

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



MEI 2014







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
sumbangan pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang tahun.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan dan sumbangan persendirian pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan	5
Perjumpaan SUT dan TSUT JPM (Media Kabinet) dengan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan	6
JPM juara Pelawanan Bola Jaring Wanita Jemputan	7
Lapan pasukan mara ke suku akhir	8
Pasukan MP ungguli futsal Hari Penerangan	9
Sambutan Hari Penerangan 2014 dilaratkan ke Daerah Tutong	10
Program kenegaraan sempena ulang tahun Hari Penerangan	11
Taklimat semai semangat patriotisme pelajar	12
Mengoptimakan penghayatan mengenai kenegaraan kalangan pelajar	13
Daerah Belait barigakan sambutan Hari Penerangan	14 - 15
Sambutan Hari Penerangan Daerah Belait menggalakkan Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik	16 - 17
JPAKK dan JJK lawat Pusat Panggilan Kebangsaan	18
Misi membarigakan bendera negara, taklimat kenegaraan diteruskan	19
Semai semangat patriotisme pelajar	20 - 21
Lawatan sambil belajar dari Micronet International College	22
Sambutan HUT ABDB Ke-53 pada 31 Mei	23
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	24
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus	25
Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Ujung Kelink / Sungai Siamas	26 - 27

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman,  
Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Bagi memastikan penyelarasan strategik projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 tercapai seiring dengan matlamatnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Pengurusi Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10, berkenan berangkat meneruskan lagi lawatan kerja untuk hari kedua ke beberapa buah tapak projek di Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya disembahkan taklimat oleh Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Omarali bin Haji Muhammad Jaafar mengenai dengan kemajuan projek tersebut yang bernilai BND11 juta.

Bangunan tambahan Ibu

Pejabat Jabatan Penerangan juga menjadi salah satu atur cara keberangkatan lawatan kerja DYTM di DBM diiringi oleh Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan seterusnya disembahkan taklimat oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Projek Tambahan Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan bernilai kira-kira BND5.5 juta itu telah siap pada 9 November 2013 dengan mempunyai dewan kuliah yang boleh menampung kira-kira 200 orang pada satu masa, bilik mesyuarat dan pejabat pentadbiran dan kewangan.

Keberangkatan DYTM merupakan kesinambungan keberangkatan lawatan kerja bagi meninjau secara dekat perkembangan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RKN selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk menjadikan negara ini berstatus maju.

Ke arah itu, dukungan padu kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta dan pihak-pihak

berkepentingan termasuk seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk terus berperanan aktif dalam meningkatkan kerjasama dan berganding bahu bagi menanai serta mencapai keberhasilan agenda pembangunan yang progresif dan dinamik adalah sangat diperlukan.



DYTM berkenan menandatangani lembaran keberangkatan (atas) dan menerima junjung ziarah dari para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan (bawah).



DYTM berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan (kiri) dan DYTM disembahkan penerangan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berangkat membuat lawatan kerja ke Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (kanan).

## Perjumpaan SUT dan TSUT (Media dan Kabinet) JPM dengan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji  
Mohd. Ali

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Mei. - Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos dan Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) JPM, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali telah mengadakan perjumpaan bersama pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.

Sejurus selepas perjumpaan, Awang Haji Mohd. Rozan berkesempatan mengunjungi ke Bahagian Pelita Brunei yang merupakan salah satu akhbar rasmi kerajaan. Ia boleh diperolehi pada setiap Isnin, Rabu dan Sabtu, manakala versi online boleh dilayari setiap hari melalui [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn). Awang Muhammad Hamdanajib bin Haji Domeng turut memberi penerangan ringkas mengenai proses pembuatan Pelita Brunei iaitu bagaimana berita yang diterima akan disunting terlebih dahulu, kemudian direka letak dan setelah isinya lengkap dan teratur, ia akan disemak sehingga proses dicetak di Jabatan Pecetakan sebelum diedarkan kepada orang ramai.

Beliau juga turut meninjau



SUT dan TSUT (Media & Kabinet) JPM berkesempatan melawat Bahagian Kemasyarakatan dan Kenegaraan, dan Bahagian Pelita Brunei.

lebih dekat lagi di Unit Penerbitan Inggeris bagi terbitan buku versi bahasa Inggeris seperti Brunei Darussalam Newsletter dan Brunei Today. Selain dari itu, bahan terbitan Bahasa Melayu seperti himpunan buku-buku Titah, Sabda, Haluan (koleksi ucapan Menteri dan Timbalan Menteri, Lawatan Negara, Tetamu Negara, Brunei Merdeka, Bendera dan Lagu Kebangsaan dan beberapa buah buku lainnya juga boleh diperolehi di Jabatan Penerangan.

Semasa mengunjungi ke Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Mohd. Rozan juga turut mendengar penjelasan ringkas dan melihat antara aktiviti-aktiviti luar yang lazimnya diadakan oleh jabatan ini seperti perkampungan sivik, pentarama, taklimat mengenai bendera, menghayati lagu kebangsaan di sekolah-sekolah menengah, rendah dan juga pameran-pameran. Beliau merasa bangga dan sentiasa

berharap semoga usaha ini sentiasa berterusan dan dipergiatkan lagi sehingga masa akan datang.

Sejurus sebelum membuat lawatan ke bangunan tambahan baru, Awang Haji Mohd. Rozan dan Awang Haji Idris juga berkesempatan untuk bergambar potret kenangan di studio Unit Foto.

Turut mengiringi sepanjang perjumpaan ini ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.


Antara tujuan perjumpaan ini adalah bersempena dengan pelantikan Awang Haji Mohd. Rozan menjadi Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri dan Awang Haji Idris sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri yang berkuat kuasa pada hari Isnin, 21 Jamadilakhir 1435 bersamaan 21 April 2014 yang lalu.



SESI bergambar ramai bersama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.



SETIAUSAHA Tetap (Media & Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Media & Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Idris bin Haji Md Ali.

# JPM juara Perlawanan Bola Jaring Wanita Jemputan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam Perlawanan Bola Jaring Wanita Jemputan Sempena Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Mei. - Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) muncul juara pada Perlawanan Bola Jaring Wanita Jemputan, berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pasukan lawan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB) beraksi begitu baik pada suku pertama dengan memberikan kelebihan satu mata ke atas pasukan JPM dengan kedudukan 2-1.

Namun, semangat juang pasukan JPM bangkit mengatur strategi dengan mengukuhkan permainan pada pusingan separuh

masa kedua dengan memperolehi 5 mata berbalas 3 dan sekali gus memihak kemenangan keseluruhan kepada Jabatan RTB 6-5.

Pasukan Jabatan Kehakiman Negara dan tuan rumah iaitu Jabatan Penerangan hanya mampu menduduki tempat ketiga dan keempat diikuti dengan pasukan Institut Perkhidmatan Awam, Pejabat Peguam Negara dan The Brunei Times.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam

Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri).

Keseluruhan tujuh buah pasukan memberikan suatu semangat kesukaran yang jitu dan tinggi serta keadaan dewan serbaguna semakin bersemangat dengan penyertaan buat julung kalinya daripada The Brunei Times.

Pertandingan bersempena Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 berdasarkan corak permainan 'Round Robin'.

Pertandingan seumpama itu merupakan salah satu aktiviti dalam memeriahkan lagi sambutan penubuhannya, di samping perlawanan lain seperti boling dan perlawanan futsal.



PARA pemain pasukan Jabatan Penerangan (kiri) dan sebahagian daripada aksi di perlawanan tersebut (kanan).

## Lapan pasukan mara ke suku akhir



Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**G**ADONG, Ahad, 4 Mei. - Sejumlah lapan pasukan akan berantap di pusingan suku akhir bagi mengisi empat tempat ke separuh akhir dan dua pasukan bakal menentukan juara Kejohanan Futsal Sempena Hari Penerangan 2014.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan sempena penubuhan jabatan itu disertai oleh 16 buah yang dibahagikan kepada empat kumpulan dengan

setia kumpulan diisi dengan empat pasukan.

Lapan pasukan yang layak ke suku akhir ialah dari Kumpulan 'A' ialah Jabatan Penerangan 'A' dan Fun Artis, Kumpulan 'B' diwakili oleh Media Permata dan RTB 'A', Kumpulan 'C' terdiri daripada pasukan EGNC dan Jabatan Penerangan 'C' dan bagi Kumpulan 'D' ialah pasukan RTB 'B' dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pembukaan kejohanan diadakan di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan setiap pasukan berusaha

mengalahkan lawan masing-masing bagi mengisi dua tempat teratas kumpulan bagi beraksi di suku akhir Ahad depan.

Antara mereka yang menyertai kejohanan ini ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dari pasukan Jabatan Penerangan 'C'.

Pasukan yang menyertai terdiri daripada Jabatan Penerangan menghantar empat pasukan, AITI dua pasukan, RTB dua pasukan, JPM, Jabatan Muzium-Muzium, Media Permata, Borneo Bulletin, Brunei Times, EGNC, Jabatan Adat Istiadat Negara dan Bullet Boyz.

Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan para pemain kerana selain bertugas sebagai wartawan dan jurugambar mereka juga giat aktif dalam sukan khasnya futsal.



PARA pemain pasukan Jabatan Penerangan 'D' semasa bergambar ramai sebelum bertanding pada kejohanan futsal berkenaan.

# Pasukan MP ungguli futsal Hari Penerangan



TETAMU kehormat Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos bergambar ramai bersama pasukan juara Media Permata (putih) dan naib juara EGNC.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Ahad, 11 Mei. - Pasukan Media Permata (MP) berjaya menjuarai Kejohanan Futsal Piala Jabatan Penerangan sempena Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun, 2014 selepas menumpaskan Pasukan Pusat Kebangsaan E Kerajaan (EGNC) dalam perlawanan akhir yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pada perlawanan akhir tersebut Pasukan Media Permata unggul dengan jaringan 5-1.

Pada separuh masa pertama Pasukan Media Permata mendahului dengan jaringan 4-0 masing-masing dijaringkan oleh Fairul Nikman, Hilmi, Muiz Mat Dani dan Mas Liham.

Pasukan Media Permata menggenapkan jaringan ke-5 mereka melalui sepakan kencang Mas Liham sebelum Pasukan EGNC memperolehi jaringan saguhati menerusi Hafizuddin.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan tersebut Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Tempat ketiga dimenangi bersama oleh Pasukan Radio Televisyen Brunei A dan D. Kejohanan yang bermula sejak 4 Mei lalu disertai oleh 16 buah pasukan dan dibahagikan kepada 4 kumpulan.

Kejohanan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan para pengamal media kerana selain bertugas sebagai wartawan dan jurugambar mereka juga giat aktif dalam bidang sukan.



# Sambutan Hari Penerangan 2014 dilaratkan ke Daerah Tutong



KETUA Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris menyampaikan ucapan alu-aluananya.

Oleh : Aryenty Haji Ariffin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 5 Mei. - Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong mengadakan Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 Sempena Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62, Tahun 2014.

Sambutan berkenaan didahului dengan Majlis Resepsi Bersama Ketua-Ketua Cawangan Jabatan Kerajaan Daerah Tutong, bertempat di Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Tujuan majlis resepsi yang julung-julung kali diadakan ini ialah untuk mengeratkan silaturahim yang sudah terjalin di antara Jabatan Penerangan dengan Cawangan Jabatan-Jabatan Kerajaan di Daerah Tutong, di samping memberikan kesempatan kepada pegawai-pegawai Jabatan Penerangan untuk bersua muka dan suai kenal bersama ketua-ketua, pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini.

Majlis diteruskan dengan tayangan klip video jabatan berkenaan diikuti dengan sesi ramah mesra PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Pegawai-pegawai Penerangan bersama ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan Daerah Tutong.

Aktiviti sambutan diisikan dengan Pameran Ulang Tahun Hari Penerangan Ke-62 Tahun yang memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Penerangan serta poster-poster terbitan jabatan tersebut.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar beramah mesra bersama ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan di Daerah Tutong (atas) dan Majlis Resepsi turut memperkenalkan bahan-bahan pameran yang memaparkan latar belakang sejarah penubuhan serta hasil-hasil terbitan Jabatan Penerangan (bawah).



# Program kenegaraan sempena ulang tahun Hari Penerangan

Oleh : Hajah Norliha Haji Salleh  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**T**UTONG, Selasa, 6 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Taklimat 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Penerangan Ke-62 bagi sekolah menengah Kerajaan dan Sekolah Arab di Daerah Tutong.

Taklimat yang diadakan di Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Program ini adalah sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjawi Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara. Terdahulu program ini diadakan ke beberapa buah sekolah rendah kerajaan dan swasta di negara ini.

Antara lain kewajipan mereka selaku rakyat dan penduduk di negara ini ialah belajar mengenal, menghormati, menjaga dan memelihara maruah dan identiti negara. Generasi baru adalah penerus menjadi pejuang bangsa



yang sentiasa menjaga imej dan maruah bangsa dan negara.

Taklimat mengenai Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Seramai 26 orang penuntut Tahun 7 hingga 9 dari Mah'dad Islam Brunei telah berkesempatan mendengar taklimat berkenaan.

Dalam taklimat itu, tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'. Beliau juga menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan Negara.

Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'. Sesi taklimat juga diselang-selikan dengan kuiz kenegaraan mengenai Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Mereka juga turut menyaksikan Pameran Sambutan Ulang Tahun Hari Penerangan Ke-62 yang antara lain memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan Jabatan Penerangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Penerangan.



# Taklimat semai semangat patriotisme pelajar

Oleh : Aryenty Haji Ariffin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



DAYANG Hajah Noorhijrah (kanan) menyampaikan cenderamata kenangan.

**T**UTONG, Selasa, 7 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Taklimat ‘Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam’ sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Penerangan Ke-62 bagi Sekolah Menengah Kerajaan dan Sekolah Arab di Daerah Tutong.

Program yang diadakan di Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong.

Taklimat bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan

semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat mengenai ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam’ telah disampaikan oleh Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Seramai 44 orang penuntut Tahun 7 hingga 9 dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB), Tutong berkesempatan mendengar taklimat berkenaan.

Dalam taklimat itu, tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, sementara sesi taklimat juga diselang-selikan dengan kuiz kenegaraan mengenai Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Hadiyah-hadiyah kepada pemenang kuiz telah disempurnakan oleh Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong kepada Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar SMSB, Tutong, Dayang Alinah binti Haji Ali Ahmad.

Mereka juga berkesempatan menyaksikan Pameran Sambutan Ulang Tahun Hari Penerangan Ke-62 yang antara lain memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan Jabatan Penerangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Penerangan.



SALAH seorang penuntut cuba untuk menjawab kuiz kenegaraan.



MAJLIS berakhira dengan sesi bergambar ramai.

# Mengoptimakan penghayatan mengenai kenegaraan kalangan pelajar



MURID-MURID begitu tekun menghayati Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Arif Morni,  
Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Mei. - Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' yang dilaratkan di sekolah-sekolah rendah di keempat daerah terus mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sehubungan itu, program yang disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di seluruh negara dilaratkan lagi di Sekolah Rendah Dato Marsal, Daerah Brunei dan Muara setelah program itu

diadakan di Sekolah Rendah Dato Mahawangsa, Lambak, pada 10 Mei yang lalu.

Projek berterusan Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan bertujuan untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para pelajar terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Antara isi kandungan taklimat ialah definisi bendera negara, sejarah bendera negara, tujuan dan fungsi bendera negara dan sebagainya, di samping menjelaskan tentang maksud menghayati pada bendera tersebut.

Lagu kebangsaan itu perlu dihayati dan dihormati kerana ia melambangkan perpaduan dan kedaulatan serta keperibadian sesebuah bangsa dan negara. Setiap negara di dunia termasuk negara ini mempunyai lagu rasmi negara (Lagu Kebangsaan) masing-masing.



SUASANA program taklimat berkenaan yang menyasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.



# Daerah Belait barigakan sambutan Hari Penerangan

Oleh & Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**K**UALA BELAIT, Isnin, 12 Mei. - Sejak dengan peredaran masa dan teknologi, akhbar rasmi kerajaan ‘Pelita Brunei’ boleh dilayari setiap hari melalui perkhidmatan Pelita Online di laman sesawang [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn). Pelita Brunei juga diedarkan dalam bentuk cetakan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu kepada penduduk dan warga Perkhidmatan Awam di seluruh negara.

Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar mengatakan penerbitan dan mengedaran akhbar rasmi kerajaan merupakan antara peranan dan tanggungjawab Jabatan Penerangan. Seiring dengan kematangan usia 62 tahun, Jabatan Penerangan terus berusaha membarigakan maklumat

kepada orang ramai dengan pelbagai cara termasuk penggunaan media baru antaranya pada tahun ini pihak jabatan memperkenalkan perkhidmatan ‘Facebook’ Jabatan Penerangan.

Menurutnya pembarigaan maklumat yang disalurkan bukan sahaja melalui Pelita Brunei dan Teknologi Media Baru tetapi juga melalui perkhidmatan Infofoto Jabatan. “Orang ramai boleh memuat turun gambar-gambar acara daripada Unit Fotografi kami secara percuma melalui lama sesawang [www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn).”

Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 adalah sempena penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun bagi Daerah Belait.

Laman sesawang rasmi jabatan juga menawarkan pautan ‘pressroom’ yang antara lain memuatkan koleksi titah-titah terkini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pihak jabatan juga menawarkan perkhidmatan lain antaranya perkhidmatan alat pembesar suara; liputan acara-acara rasmi dan juga program dan aktiviti kenegaraan dan kemasyarakatan.

“Semua perkhidmatan dan produk Jabatan Penerangan ini matlamatnya tetap sama untuk ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’ kepada semua penduduk di negara ini tidak kira di kawasan bandar mahu pun di pedalaman.”

Sambutan Hari Penerangan bagi Daerah Belait diadakan selama tiga hari yang meliputi tayangan klip video korporat Jabatan Penerangan, sesi ramah mesra (resepsi) Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan bersama ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan jabatan kerajaan Daerah Belait



SESUATU yang mencuit hati Pemangku Pengarah Penerangan dan Pegawai Daerah Belait serta beberapa jemputan khas semasa menyaksikan peralatan tayangan gambar yang pernah digunakan suatu ketika dahulu oleh Jabatan Penerangan yang masih berfungsi.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan (kiri) dan Pegawai Daerah Belait (kanan) meneliti salah satu cetakan plet di pameran berkenaan.

dan pameran ulang tahun Hari Penerangan Ke-62 yang memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan jabatan, perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan dan bahan terbitan serta poster-poster terbitan jabatan.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman hadir pada majlis di Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Selain itu, juga diadakan program kenegaraan dan kemasyarakatan termasuk taklimat kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ yang mensasarkan pelajar-pelajar peringkat Sekolah Menengah, kuiz dan tayangan video.

Hari Penerangan merupakan acara sambutan memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952 yang bertujuan untuk mempromosikan strategi kerja, perkhidmatan dan produk jabatan melalui bahan-bahan terbitan, pameran dan taklimat, sementara majlis resepsi julung kali diadakan bagi mengeratkan lagi silaturahim yang sudah lama terjalin di antara Jabatan Penerangan dengan cawangan jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Belait semenjak tertubuhnya bilik bacaan pertama di Kuala Belait pada tahun 1957 dan diikuti dengan bilik bacaan pertama di Seria pada tahun 1969.

Majlis resepsi juga memberikan kesempatan kepada pegawai-pegawai Jabatan Penerangan untuk bersua muka dan suai kenal bersama ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan jabatan kerajaan di daerah ini.



**SALAH** satu alat tayangan gambar.



**PENUNTUT** sekolah berlumba-lumba mencari jawapan kuiz.



**MESIN** taip yang dahulunya terkenal di zaman 80an.



**PERSEMBAHAN** koir pegawai & kakitangan Jabatan Penerangan.



**JAWAPAN** kuiz boleh diperolehi dari roll-up yang dipamerkan.

# Sambutan Hari Penerangan Daerah Belait menggalakkan

Oleh & Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 14 Mei. - Majlis sambutan Hari Penerangan 2014 sempena penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun bagi Daerah Belait telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai.

Selama tiga hari sambutan diadakan yang bermula hari Isnin lepas, berbagai saranan positif bagi meningkatkan mutu dan imej jabatan khususnya Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait daripada ketua-ketua jabatan kerajaan dan orang ramai yang menyaksikan pameran sambutan di ruang legar bangunan jabatan-jabatan kerajaan.

Perkara tersebut telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar dan seterusnya

menyampaikan taklimat kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' kepada penuntut-penuntut Sekolah St. James, Kuala Belait di Jabatan Penerangan.

Taklimat yang dihadiri 23 pelajar Tahun 8 bersama guru mereka, Dayang Hajah Jaiton binti Jumil dan Hajah Sarimah binti Haji Seruji merupakan antara pengisian program hari terakhir majlis sambutan Hari Penerangan.

Pada masa ini pihaknya telah menyampaikan taklimat kenegaraan kepada murid-murid di sembilan buah sekolah rendah kerajaan di Daerah Belait dan akan meneruskan penyampaian taklimat ke sekolah-sekolah rendah yang lain.

Taklimat kenegaraan selaras dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan untuk menyebarkan maklumat pada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej kerajaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Muizzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Hasanul Hidayat seterusnya menerangkan beberapa aktiviti lain yang dilaksanakan oleh pihak jabatan selain daripada taklimat kenegaraan seperti 'Program Sayangi Raja Kitani' yang telah diadakan di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diungkayahkan oleh Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Selain itu aktiviti lain yang diusahakan oleh pihak jabatan termasuk 'Program Awasi Anak Kitani' ke mukim-mukim dan kampung-kampung yang diusahakan bersama Biro Kawalan Narkotik yang telah diadakan di Mukim Seria.

"Pihak jabatan juga, mengadakan perjumpaan 'personal contact' / berdudun dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung selain secara rutin mengedarkan akhbar rasmi kerajaan 'Pelita Brunei', di samping menyediakan perkhidmatan alat pembesar suara kepada semua



PENOLONG Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.



PELAJAR-PELAJAR Tahun 8 Sekolah St. James, Kuala Belait mendengar taklimat yang disampaikan (kiri) dan Awang Hasanul Hidayat menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz kenegaraan Hari Penerangan (kanan).

agensi-agensi kerajaan di Daerah Belait.”

“Dengan mengadakan pameran dan taklimat-taklimat kenegaraan seperti ini, pihak-pihak tertentu termasuk orang ramai akan lebih mengetahui mengenai Jabatan Penerangan dalam kami membudayakan masyarakat bermaklumat kepada seluruh penduduk di negara ini.”

Salah seorang pelajar St. James yang mengikuti taklimat, Awang Muhd. Haziq Haikal bin Hadnani menyatakan taklimat tersebut amat berguna dan banyak maklumat yang didapatinya daripada taklimat tersebut seperti cara menaikkan dan mengibar bendera yang

betul dan siapa pengubah muzik dan seni kata lagu kebangsaan.

Menurut Awang Muhd. Haziq, dia pernah menyertai acara mengibar bendera sewaktu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Daerah Belait sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda, merasa bangga menyertai acara tersebut dan juga bangga dilahirkan di bumi Negara Brunei Darussalam yang tercinta, negeri yang aman sentosa dan berdaulat di bawah pimpinan raja yang adil, bijaksana

dan pemedulian terhadap rakyat dan negara baginda.

Sementara itu, Dayang Hajah Sarimah yang mengajar subjek Bahasa Melayu dan MIB bagi pelajar-pelajar Tahun 6 menyatakan, taklimat tersebut memberikan banyak maklumat terutama kepada pelajar-pelajar yang tidak tahu seperti bila bendera mula dibuat, siapa pencipta lagu kebangsaan, tatacara menaikan bendera dan sebagainya.

“Dari taklimat itu, sekurang-kurangnya pelajar-pelajar beroleh pengetahuan dan seterusnya berkongsi maklumat dengan pelajar-pelajar lain.”



PARA penuntut juga tidak ketinggalan untuk ikut serta menyanyikan lagu patriotik.

# Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PARA pelajar Sekolah Rendah Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 10, Brunei IIA, Berakas semasa mengikuti Program Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan (kiri) dan Awang Haji Madon ketika menyampaikan taklimat (kanan).

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’.

Program yang disasarkan kepada pelajar sekolah rendah di seluruh negara itu diadakan di Sekolah Rendah Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 10, Brunei IIA, Berakas.

Atur cara program bermula dengan nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan lagu patriotik ‘Bendera Negara’ diikuti dengan Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim.

Objektif program berkenaan bagi mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para pelajar terhadap Lagu Kebangsaan

dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan Negara, selain untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Para pelajar juga berpeluang menjawab soalan-soalan kuiz berdasarkan daripada taklimat yang disampaikan.

Dalam pada itu, program berkenaan juga telah diadakan pada 4 Mei yang lalu di Sekolah Rendah Serasa, Muara, Brunei II.

Program Taklimat Kenegaraan adalah projek berterusan Jabatan Penerangan dan telah dilaratkan di keempat-empat buah daerah.



SEORANG pegawai dari Jabatan Penerangan semasa mengendalikan kuiz pada Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’.

# JPAKK dan JJK lawat Pusat Panggilan Kebangsaan

Oleh: Unit Perhubungan Awam

Foto: Awang Muhammad Asri

Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Seramai 26 ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK dan JJK) telah membuat lawatan ke Pusat Panggilan Kebangsaan Talian Darussalam 123.

Lawatan itu dimulakan dengan taklimat mengenai proses pengambilan aduan melalui talian Darussalam 123 yang disampaikan oleh Pengurus Pembangunan Perniagaan (Business Development Manager) Comquest Sdn. Bhd iaitu syarikat yang mengendalikan perkhidmatan pusat panggilan, Awang Gaurav Shrotriya.

Pusat Panggilan Kebangsaan Talian Darussalam 123 adalah kemudahan pusat panggilan di mana orang ramai dapat menghubungi talian ini 24 jam sehari termasuk cuti awam.

Melalui lawatan ini, para ahli juga berpeluang untuk menyaksikan secara dekat cara-cara pengendalian aduan oleh operator-operator talian tersebut.

Lawatan ini adalah salah satu aktiviti di bawah JPAKK dan JJK dan ia diungkayahkan bersama oleh Jabatan Penerangan dan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Pusat Panggilan Kebangsaan Talian Darussalam 123 iaitu [www.123.gov.bn](http://www.123.gov.bn).



PARA pegawai perhubungan awam ketika melawat bilik operasi Pusat Kebangsaan Talian Darussalam (atas) dan menyaksikan cara pengendalian aduan oleh ketua-ketua operator (bawah).



PARA pegawai perhubungan awam mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh Awang Gaurav Shrotriya.

140 - Kementerian Pembangunan

119 - Jabatan Pengangkutan Darat

144 - Jabatan Perkhidmatan Elektrik

2424959 - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan



# Misi membarigakan bendera negara, taklimat kenegaraan diteruskan

Oleh & Foto :  
Noraisah Muhammed

PANAGA, Selasa, 20 Mei. - Misi membarigakan bendera diteruskan lagi oleh Jabatan Penerangan, Cawangan Daerah Belait dengan mengadakan Taklimat Kenegaraan bagi 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Sekolah Rendah Panaga.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Guru Besar Sekolah Panaga, Dayang Hajah Nor Zurini binti Hasi Assim dan beberapa guru serta kakitangan sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar mengenai lagu kebangsaan dan bendera Negara Brunei Darussalam.

Seramai 134 murid terdiri daripada murid Tahun 4 dan 5 mendengarkan taklimat tersebut.

Awang Hasanul Hidayat menerangkan mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan



ROMBONGAN Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait bergambar ramai bersama Guru-Guru dan murid-murid Sekolah Rendah Panaga, Seria.

Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci dan menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan negara, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Program membarigakan

serta menyampaikan Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Sekolah-Sekolah Rendah Seluruh Negara 2014 bagi Peringkat Daerah Belait adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ingin mengambil langkah positif dalam mengungkayakan program sedemikian dengan membarigakan tentang kepentingan bendera dan lagu kebangsaan di sekolah-sekolah rendah seluruh negara pada tahun ini bagi menyampaikan maklumat kepada mereka yang tidak mengibarkan bendera di kediaman masing-masing.

Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama murid-murid sekolah rendah agar dilatih untuk memiliki semangat patriotik mantap dan taat setia yang jitu dan kental yang tidak pernah goyah untuk menghadapi





KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayangku Nasibah binti Pengiran Haji Bakar menyerahkan cendera kenangan kepada Penolong Guru Besar Awang Losir bin Bundan (kiri) dan para murid lelaki Sekolah Rendah Panaga mengibar-ngibarkan bendera kecil dengan begitu bersemangat (kanan).

apa jua cabaran yang boleh memudaratkan bangsa dan Negara merupakan rasional yang harus ada dalam jiwa setiap penduduk.

Belajar mengenal, menghormati, menjaga dan memelihara maruah dan identiti negara, dan generasi baru adalah penerus menjadi pejuang bangsa yang sentiasa menjaga imej dan maruah bangsa dan negara adalah kewajipan kepada kita mengetahui serta menghormatinya selaku rakyat dan penduduk di negara ini.

Guru-guru dan murid-murid sekolah berkenaan juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan sesi taklimat dimeriahkan dengan acara menjawab kuiz kenegaraan mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan hasil dari tumpuan mereka ketika mendengar taklimat.

Program diakhiri dengan sesi bergambar ramai yang didahului dengan penyampai hadiah kepada pemenang kuiz dan menyerahkan cendera kenangan kepada pihak sekolah yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar kepada Penolong Guru Besar, Awang Losir bin Bundan.



Sementara itu, program ini juga dilaratkan ke Sekolah Rendah Dato Othman, Lambak Kiri, Daerah Brunei dan Muara pada 7 Mei yang lalu.

Taklimat telah disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim dan Dayangku Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani.

Para pelajar berkesempatan menyaksikan cara menaik-kibarkan bendera melalui tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'.



DAYANGKU Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani ketika menyampaikan taklimat tersebut.



# Semai semangat patriotisme pelajar

Oleh & Foto :  
Aryenty Haji Ariffin



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris menyampaikan taklimat mengenai Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

TUTONG, Selasa, 20 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan lagi 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam Bagi Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara 2014 Peringkat Daerah Tutong'.

Taklimat kali ini yang diadakan di Sekolah Rendah Abdul Rashid, Tanjong Maya itu antaranya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Program ini merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Program-program yang disusun sepanjang tiga hari itu adalah selaras dengan objektif utama penganjuran Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 iaitu bagi mempromosikan Perkhidmatan dan Produk Jabatan Penerangan melalui Pameran dan Taklimat.

Taklimat mengenai 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam' telah disampaikan

oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris dan dihadiri oleh seramai 76 orang murid dari Pra hingga Tahun 6.

Dalam taklimat itu, dijelaskan mengenai tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' serta menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan negara.

Rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik kibar (dan kemudian menurunkan) bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti PELITA BRUNEI dan Radio Televisyen Brunei.



SALAH seorang murid meneliti risalah yang diagihkan.



## Lawatan sambil belajar dari Micronet International College

Oleh & Foto : Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok

Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Seminggu sebelum taklimat, satu pertandingan menulis karangan mengenai tajuk taklimat telah diadakan untuk pelajar Tahun 5 dan 6 bertujuan untuk mengetahui setakat mana pengetahuan mereka mengenai lagu kebangsaan dan bendera negara yang dikendalikan oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah berkenaan.

Seramai 10 orang murid yang menghasilkan karangan terbaik telah dipilih untuk menerima hadiah daripada Jabatan Penerangan sebagai penganjur.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'. Sesi taklimat juga diselang-selikan dengan kuiz kenegaraan mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan.



Murid-murid berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan (atas) dan sebahagian murid perempuan yang hadir (bawah).



**ROMBONGAN** bergambar ramai sama Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 24 Mei - Seramai 26 orang penuntut Micronet Internatioal College mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan. Rombongan diketuai oleh pensyarah-pensyarah institusi tersebut Dayang Izzah Afiqiah binti Haji Abdullah dan Awang Muhammad Hadri bin Haji Jamil.

Pegawai Penerangan yang juga Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya menyampaikan taklimat mengenai Jabatan Penerangan serta sejarah, struktur dan fungsi jabatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan.

Selain itu juga disentuh mengenai peranan dan tanggungjawab Jabatan Penerangan yang sentiasa menjadi penghubung antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah, aspirasi dan matlamat negara.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra bersama Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai kanan yang hadir. Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan berkesempatan meninjau secara lebih dekat Bahagian Pelita Brunei, Unit Penerbitan Inggeris, dan juga Unit Foto.

Di sepanjang lawatan, mereka berpeluang mendengar taklimat ringkas daripada ketua-ketua bahagian yang dikunjungi tentang fungsi dan peranan bahagian-bahagian berkenaan.



**ROMBONGAN** mendengar penerangan dari Pegawai Penerangan, Awang Musa Mohidin dan melihat 'dummy' PELITA BRUNEI yang selesai direka letak dan disemak sebelum dicetak menjadi akhbar.

# Sambutan HUT ABDB Ke-53 pada 31 Mei

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

RIMBA, Isnin, 26 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) seperti lazimnya setiap tahun menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-53.

Timbalan Pengerusi Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-53, Kolonel (U) Haji Hamzah bin Sahat menyatakan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penyerahan Poster Sambutan HUT ABDB Ke-53, berlangsung di Markas Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Tema Sambutan HUT ABDB ialah 'Generasi ABDB Berawasana', selaras dengan tema sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Jawatankuasa Tertinggi sambutan, telah mengungkayahkan beberapa acara termasuk acara kemasyarakatan iaitu meraikan anak-anak istimewa ABDB; penanaman pokok; menderma darah yang melibatkan semua perkhemahan; penyampaian cenderahati anak-anak lahir pada 31 Mei; Projek Titian Amal, Jerayawara Kesihatan dan Pergigian serta meraikan anak-anak cemerlang ABDB.

Sementara itu, acara keagamaan pula meliputi Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Majlis Khatam Al-Qur'an dan Majlis Doa Kesyukuran HUT ABDB Ke-53.

Manakala acara sukan pula meliputi Kejohanan Golf HUT ABDB Ke-53 dan 'Obstacle Course Challenge 2014'.

Acara utama pada 31 Mei, didahului dengan acara kemuncak bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara masyarakat awam dengan anggota ABDB yang diharap dapat menarik minat generasi muda untuk menjadikan perkhidmatan di dalam ABDB sebagai pilihan utama bagi karier atau kerjaya mereka nanti.

Terdahulu sebelum itu,



PARA pegawai-pegawai perhubungan awam dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta wakil-wakil daripada Kementerian Pertahanan yang menghadiri majlis tersebut.

Kolonel (U) Haji Hamzah menerima poster daripada tetamu khas iaitu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Acara diteruskan dengan penyerahan poster-poster kepada pegawai-pegawai perhubungan awam dan wakil-wakil daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan termasuk wakil-wakil daripada unit-unit ABDB dan jabatanarah-jabatanarah di bawah Kementerian Pertahanan.

Lebih 2,000 keping poster dicetak bagi sambutan tahun ini bertujuan untuk memberikan makluman dan kesedaran kepada orang ramai mengenai Sambutan HUT ABDB Ke-53 yang diraikan di Pangkalan TUDB pada 31 Mei 2014.



TIMBALAN Pengerusi Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB ke-53, Kolonel (U) Awang Haji Hamzah bin Sahat menerima poster daripada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

**Jabatan Penerangan mengucapkan  
selamat datang kepada seorang kakitangan yang berkhidmat di jabatan ini:**



**Awang Hairun Nadhir bin Ismail  
Pembantu Pelukis  
Tarikh Melapor : 1 Mei 2014**

*Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini:*

**1. Kumpulan Kerja Cemerlang di Institut Perkhidmatan Awam  
Tarikh : 19 – 22 Mei**

**Awang Azman bin Haji Abdul Rahim  
Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman  
Awang Mohammad Yussri bin Ramli**

**2. Kursus Asas Komunikasi di Institut Perkhidmatan Awam  
Tarikh : 26 – 29 Mei 2014**

**Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod**

**3. Bengkel Keseimbangan Kehidupan dan Kerjaya ‘Work-Life-Balance’  
Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Keluarga Tahun 2014  
di Dewan Penghayatan, Aras 2, Institut Perkhidmatan Awam.  
Tarikh : 19 – 21 Mei 2014**

**Awang Zainuddin bin Muhammad Hussin  
Awang Safri bin Haji Talif**

# Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Ujung Kelinik / Sungai Siamas

Oleh : Awang Mohd Nizam Abdullah, Awang Mohammad Arif Matali, Dayang Faridah Haji Kaderi

Foto : Muhammad Arif Morni

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana, Menteri telah mengadakan Program Sua Muka (personal contact) bersama dengan Ketua Kampung Ujung Kelinik / Sungai Siamas, Awang Haji Mat Sahat bin Haji Matamit pada 28 Mei 2014. Beliau telah diamanahkan untuk memangku sementara tugas Ketua Kampung Sungai Kebun semasa Ketua Kampung Sungai Kebun dalam tempoh bercuti rehat atas nasihat daripada doktor pakar jantung.

Program tersebut telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan turut hadir pada perjumpaan tersebut Ketua Kampung Sungai Kebun, walaupun beliau masih dalam bercuti sakit, namun Awang Haji Marali bin Haji Matzin (Ketua Kampung Sungai Kebun). Rasa tanggungjawabnya terhadap kampung memberikan semangat ke arah ini. Kerjasama Ketua Kampung Ujung Kelinik/Sungai Siamas bersama dengan Ketua Kampung Sungai Kebun, sesungguhnya menyatakan kesepakatan yang kental lagi berjeran.

Setakat ini seramai 3,986 orang penduduk yang tinggal di Kampung Sungai Kebun.

Penduduknya hidup dengan aman-damai walaupun kadang-kadang terdapat juga kejadian-kejadian yang dianggap menganggu ketenteraman penduduk. Penduduk di kampung ini bukan saja didiami oleh warga Brunei Darussalam malah warga asing juga turut sama menetap di kampung tersebut.

Alhamdulillah, menurut beliau lagi penduduk-penduduk Kampung Sungai Kebun berasa sangat bersyukur dengan menikmati kemudahan-kemudahan

asas yang telah disediakan oleh pihak kerajaan seperti bekalan api elektrik, air, kemudahan telefon dan jalan raya. Bahkan Ketua Kampung Sungai Kebun, banyak membantu kearah perjumpaan tersebut.

Antara lain kemudahan,

## I. Kemudahan Masjid

Di atas kepimpinan serta keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan rakyatnya dan syariat Islam yang telah diwajibkan, maka melalui pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun membina sebuah masjid yang terletak di Kampung Sungai Kebun, Mukim Sungai Kebun. Masjid yang dimaksudkan adalah Masjid Al-Muhtadee Billah.

Masjid tersebut memberikan kemudahan kepada penduduk setempat untuk menunaikan sembahyang lima waktu dan waktu Jumaat. Masjid juga tempat majlis pernikahan serta keagamaan.

## II. Sekolah

Terdapat dua buah sekolah, sekolah menengah dan sekolah rendah.

## III. Produk Kampung

I. Produk Kampung Sungai Kebun mengusahakan antara lainnya, kuih kering seperti buahulu, kuih sapit dan cacah.

II. Kuih-muih seperti, kelupis, wajid dan bingka.





III. Ikan kering, ikan basah, udang hidup, udang kering.

IV. Membuat belacan.

#### **IV. Tempat menarik**

Kampung Sungai Kebun tempat menariknya adalah Masjid Al-Muhtadee Billah. Masjid tersebut sering menjadikan tempat tumpuan mereka yang membuat lawatan ke kampong tersebut.

#### **V. Aktiviti Kampung dan MPM/MPK**

- Kegiatan Masyarakat; bergotong-royong, Makan tahun dan sebagainya.
- Kegiatan Keagamaan; Membersihkan Tanah Perkuburan, Majlis bertadarus, Dikir Maulud Nabi, Walkaton Hijrah yang disertai oleh penduduk kampung dan sekitarnya.
- Kegiatan Sukan; Perlawanan Sukan antara Mukim-mukim dan sebagainya.

#### **VI. Permasalahan yang berbangkit Mukim / Kampung**

- Pengubahsuaihan atau Penembukan Tanah
- Tanah susur bila hari hujan
- Laporan mengenai rumah-rumah yang kecurian
- Remaja dan Belia yang terjebak dengan gejala yang negatif dan perkara-perkara yang melanggar hukum syariah.
- Timbulnya isu mengenai tempat berjaya yang tidak sesuai dan selamat
- Sebilangan pemilik kenderaan tidak meletakkan kereta di tempat yang telah disediakan dan dianggap mengganggu keselesaan sebilangan peniaga di kawasan yang berkenaan.

#### **VII. Cadangan-cadangan MPM / MPK**

Ketua Kampung telah mencadangkan supaya Jabatan Penerangan sentiasa mengadakan Jerayawara bersama pihak-pihak yang berkenaan untuk memberikan maklumat yang lebih terperinci lagi kepada penduduk-penduduk kampung.

Malahan penduduk kampung sangat berminat dan juga menyarankan kampung mereka disenaraikan untuk diadakan Taklimat Brunei menuju kearah Wawasan 2035, Melayu Islam Beraja, Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Masalah Belia masa kini. Sesuai dengan peranan Jabatan Penerangan selaku mata, telinga dan lidah kerajaan untuk menyampaikan apa juar perancangan kerajaan untuk rakyat lebih maklum akan maksud yang terserat.

Dengan itu mudah untuk rakyat faham akan tujuan kerajaan ke arah kemajuan Negara.

Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan yang ikut serta dalam Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Ujung Kelinik / Sungai Siamas ini:

- i. Awang Haji Salleh bin Haji Yusof
- ii. Awang Mohd Nizam bin Abdullah
- iii. Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim
- iv. Awang Haji Mumin bin Haji Madin
- v. Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abd Momin
- vi. Dayang Faridah binti Haji Kaderi
- vii. Dayang Siti Norasilah @ Anisah binti Awang Asli
- viii. Awang Mohamad Arif bin Matali
- ix. Awang Muhd Arif bin Morni

**Pautan khas Laman Web  
Pemberigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**



<http://www.kanunsyariah.gov.bn/>

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri**



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[infodept\\_bn](http://infodept_bn)